



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6/2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

GARISPANDUAN
MENANGANI PANDEMIK INFLUENZA A (H1N1) BAGI
WARGA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri menggariskan langkah-langkah pengawalan dan kewaspadaan yang perlu dilaksanakan dalam menangani Influenza A (H1N1) selaras dengan perkembangan yang berlaku ketika ini seperti berikut :

1. Kaedah Pengawalan

Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan hendaklah memastikan tahap kebersihan ditempat bekerja adalah ditahap kebersihan yang sangat baik.

Adalah juga dinasihatkan supaya Warga Perkhidmatan Awam mementingkan kebersihan diri (*Personal Hygiene*) seperti pembasuhan tangan dan seumpamanya.

Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah digalakkan untuk mengadakan pemeriksaan suhu badan (*body temperature checks*) dan hendaklah dikendalikan sebelum masuk ke pejabat.

Jika Warga Perkhidmatan Awam mempunyai simptom-simptom *flu*, mereka adalah dinasihatkan untuk tidak datang ke pejabat dan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan rawatan perubatan dengan seberapa segera di hospital, klinik atau pusat-pusat kesihatan.



2. Penubuhan Pasukan Tindakan (Action Team) Dan Business Continuity Plan

Setiap Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan hendaklah menubuhkan **Pasukan Tindakan (Action Team)** dan memastikan "**Business Continuity Plan**" disediakan untuk memastikan jentera pentadbiran bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan masing-masing tidak terjejas.

3. Menghadiri Mesyuarat / Seminar / dan seumpamanya di luar Negara / kembali daripada bercuti dari luar Negara

Warga Perkhidmatan Awam yang menghadiri mesyuarat / seminar dan seumpamanya atau bercuti di luar Negara adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berwaspada ketika berada di luar Negara seperti berikut :

- i. menjaga kesihatan;
- ii. menjaga kebersihan diri (*Personal Hygiene*);
- iii. mengelakkan tempat-tempat yang sesak;
- iv. jika sakit semasa diluar Negara, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

Jika Warga Perkhidmatan Awam kembali dari luar Negara dan dalam keadaan sihat dan tidak ada mempunyai simptom-simptom *flu*, mereka adalah dibolehkan untuk bertugas seperti biasa. Walaubagaimanapun jika mereka berasa kurang sihat, jatuh sakit atau mengalami simptom-simptom *flu* setelah kembali dari luar Negara, maka mereka adalah dinasihatkan untuk tidak datang ke pejabat dan mestilah terlebih dahulu mendapatkan rawatan perubatan dengan seberapa segera di hospital, klinik atau pusat kesihatan.

4. Kuarantin

Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam, dalam apa jua tahap atau bentuk lantikan, yang dikehendaki menjalani tempoh kuarantin samada di dalam rumah, hospital atau tempat-tempat kuarantin yang telah dikhaskan, atas nasihat, arahan atau kehendak doktor atau pakar perubatan Kerajaan sahaja, akan diberikan cuti sakit /cuti khas tanpa catat dalam masa tempoh yang telah ditetapkan.



Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam yang gagal mematuhi kehendak kuarantin yang boleh membahayakan orang ramai maka pihak yang berwajib akan mengambil tindakan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.

5. Langkah Tambahan

Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah disarankan untuk mengamalkan Solat Sunat Hajat dan Membaca Doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam dan segenap lapisan rakyat serta penduduknya terselamat daripada segala wabak dan penyakit.

Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat keliling ini dikeluarkan dan akan diteliti dari masa kesemasa mengikut keadaan. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 04/2009 bertarikh 14 Rejab 1430 bersamaan 07 Julai 2009 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[HAJI ABDUL AZIZ BIN OKML HAJI YUSSOF]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : [6]JPM/SK/2009

Tarikh : 01 Syaaban 1430 / 23 Julai 2009